

25 MAR 1997

Parlimen-MSK

SEBANYAK 583 SYARIKAT MOHON SERTAI MSC

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Persidangan Dewan Rakyat hari ini diberitahu sebanyak 583 syarikat tempatan dan antarabangsa telah memohon untuk menyertai projek Koridor Raya Multimedia (MSC) setakat ini dengan empat sudahpun diberi "Status MSC".

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, 122 permohonan diterima daripada syarikat-syarikat antarabangsa manakala 461 lagi daripada syarikat-syarikat tempatan.

Daripada jumlah itu, empat syarikat telahpun diberi "Status MSC" iaitu Institut Sistem Elektronik Mikro Malaysia (MIMOS) Berhad, Telekom Malaysia, Nippon Telephone & Telegraph (NTT) dan Sun Microsystems, katanya ketika menjawab serentak sembilan soalan yang berkaitan dengan MSC apabila Dewan Rakyat memulakan persidangannya di sini.

Soalan-soalan itu dikemukakan Datuk Abu Zahar Ujang (BN-Kuala Pilah), Dr Tan Kee Kwong (BN-Segambut), Datuk Dr Jamaluddin Jarjis (BN-Rompin), Dr Ramli Taib (BN-Kemaman), Dr Yap Yit Thong (BN-Lumut), Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong), Abdul Aziz Yassin (BN-Muar), Wan Junaidi Tuanku Jaafar (BN-Batang Lupar) dan Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong).

Anwar, yang juga Menteri Kewangan berkata, "Status MSC" diberikan kepada syarikat-syarikat yang memenuhi tiga kriteria utama -- mengeluarkan produk perkhidmatan multimedia/teknologi maklumat yang bertaraf antarabangsa, mempunyai pekerja mahir yang mencukupi dan berkemampuan memindahkan teknologi.

Projek MSC merangkumi kawasan seluas 750 kilometer persegi antara Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang, pusat pentadbiran baru kerajaan di Putrajaya dan bandar Cyberjaya.

Anwar berkata, kajian Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) mengenai pandangan syarikat-syarikat antarabangsa tentang pelaburan di Malaysia mendapati kesediaan para pelabur untuk menanam modal di Malaysia adalah rendah sebelum projek MSC diperkenalkan.

"Jelas iltizam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) dan lawatan beliau ke San Francisco (Amerika Syarikat) dan Tokyo (Jepun) baru-baru ini telah berjaya memperkenalkan MSC kepada dunia dan menarik minat pelabur-pelabur asing untuk melabur di koridor itu," katanya ketika menjawab soalan-soalan berkaitan dengan MSC yang sebenarnya dikemukakan kepada Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie.

Anwar berkata, enam undang-undang cyber, yang bersifat "commerce enabling laws" dan "societal laws", akan digubal tahun ini bagi menggalakkan perdagangan elektronik dan memberi perlindungan kepada para pengguna apabila MSC dilaksanakan.

Beliau berkata, daripada enam undang-undang itu -- Akta Tandatanganan Digital, Akta Hakcipta (Pindaan) 1997 bagi memasukkan peruntukan melindungi hak intelek, Akta Jenayah Komputer dan Akta Teleperubatan -- akan dibentangkan pada sesi kali ini.

Dua lagi akta -- Akta Kerajaan Elektronik dan Akta Penyatuan Multimedia -- akan dibentangkan dalam sesi Parlimen yang akan datang, katanya.

Anwar berkata, perundangan cyber yang lengkap itu, selain insentif-insentif khas dan dasar-dasar khusus, diperkenalkan bagi memastikan pencapaian yang maksimum diperolehi daripada kemudahan dan teknologi-teknologi multimedia/maklumat yang diwujudkan.

Strategi pelaksanaan tujuh aplikasi -- rangkaian pembuatan global,

pusat pemasaran tanpa sempadan, pusat penyelidikan dan pembangunan, sekolah bistari, kad pelbagai guna, teleperubatan, kerajaan elektronik dan dana multimedia -- di MSC pula dijangka siap Jun ini.

Selain itu, sebuah universiti multimedia juga akan ditubuhkan bagi menampung keperluan jangka panjang untuk mewujudkan tenaga profesional tempatan dalam bidang teknologi maklumat, katanya.

"Sebagai perintis kepada penubuhan universiti multimedia itu, syarikat Telekom Malaysia Berhad telahpun diarah menempatkan fakulti sementara Multimedia, Universiti Telekom di kawasan MSC," katanya.

Bagi menggalakkan penyertaan tempatan dalam projek MSC, Anwar berkata, kerajaan telah mewujudkan "Venture Capital" atau membangunkan pasaran saham "Over Trade Counter (OTC)".

Kerajaan juga telah memperuntukkan 20 peratus daripada belanjawan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7) kepada MDC untuk diagihkan kepada syarikat-syarikat kecil dan sederhana selain geran R&D yang telah diberikan kepada syarikat-syarikat tempatan.

"Projek MSC ini akan membawa pelbagai faedah kepada rakyat dan negara. Kehadiran dan penempatan syarikat-syarikat multimedia terulung dunia di Koridor Raya Multimedia akan memberi peluang kepada syarikat tempatan melibatkan diri dalam industri multimedia melalui konsortium atau usahasama dengan syarikat-syarikat ini," katanya.

Ketika menjawab soalan tambahan Ruhanie, Anwar berkata, kerajaan, dalam usaha menarik minat syarikat-syarikat multimedia gergasi dunia melabur dalam projek MSC, tidak boleh memaksa mereka mematuhi dasar kuota ekuiti Bumiputera seperti pelaburan-pelaburan lain.

Bagaimanapun, beliau berkata, kerajaan akan memastikan syarikat-syarikat gergasi itu memindahkan teknologi mereka kepada rakyat tempatan dengan menggaji tenaga kerja dan pakar-pakar tempatan.

Ketika menjawab soalan tambahan Lim Kit Siang (DAP-Tanjung), Anwar berkata, keistimewaan MSC telah menyebabkan beberapa tokoh multimedia antarabangsa yang tidak tersenarai dalam Panel Penasihat Antarabangsa memohon untuk menyertainya.

Lawatan penerangan dan pelawaan Perdana Menteri ke Amerika Syarikat baru-baru ini telah mendapat sambutan yang baik dan membolehkan Malaysia menarik minat 29 tokoh industri teknologi maklumat dan multimedia terkemuka dunia untuk menduduki panel itu, katanya.

Kepada soalan tambahan Dr Tan, Anwar berkata, kerajaan amat berterima kasih dan menghargai sikap positif parti-parti pembangkang dalam usaha menjayakan projek MSC.

Kerajaan juga bersetuju dengan pandangan DAP bahawa aspek latihan dan kemahiran dalam bidang kejuruteraan dan kepakaran multimedia tidak seharusnya tertumpu hanya di kawasan MSC, malah perlu dijadikan projek raksaksa di seluruh negara, katanya.

Ketika menjawab soalan Wan Junaidi pula, Anwar berkata, kewujudan MSC akan meningkatkan kegiatan sektor perkhidmatan dalam menjamin pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan. -- BERNAMA

AH PR